

12/12/1998

Krisis menguji semangat setiakawan anggota Asean

Jamhariah Jaafar

PADA Julai tahun lalu dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean di Kuala Lumpur, Thailand adalah satu-satunya negara yang membangkitkan soal krisis ekonomi berikutan nilai bahtnya mula mengalami penurunan yang serius.

Ketika itu bahang krisis belum terasa di negara anggota Asean lain, tetapi berdasarkan semangat setiakawan, satu perisytiharan berasingan dikeluarkan membabitkan krisis ekonomi berkenaan.

Selepas itu, satu persatu anggota Asean lain didahului Indonesia, Malaysia dan Singapura, antara negara 'Harimau Asia', mula dijangkiti virus yang sama.

Bagaimanapun, selepas lebih setahun berlalu, krisis berkenaan benar-benar menggoncang keutuhan anggota Asean dan menguji semangat setiakawan negara di rantau ini.

Selepas Thailand dan Indonesia tunduk di bawah telunjuk Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), Indonesia mengalami nasib lebih parah apabila reformasi berlaku di republik itu sehingga menyingkirkan Suharto sebagai presiden dan digantikan BJ Habibie.

Filipina pula mendapat presiden baru, apabila Joseph Estrada memenangi pilihan raya. Malaysia juga tidak kurang mengalami ketegangan akibat menjadi antara negara paling teruk diserang pedagang mata wang dan spekulator.

Di samping krisis yang kini semakin menunjukkan tanda-tanda pemulihan, hubungan antara negara anggota Asean juga agak tegang terutama apabila beberapa pemimpin baru Asean mengambil sikap campur tangan dalam hal ehwal negara jiran, walaupun sebelum itu menolak cadangan Thailand supaya boleh campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara jiran.

Cadangan Menteri Luar Thailand, Surin Pitsuwan, itu awalnya disokong Filipina, tetapi Malaysia dengan tegas menolak cadangan itu kerana beranggapan ia boleh mengeruhkan suasana serta menggugat hubungan antara negara.

Ternyata pandangan Malaysia berasas, apabila dua pemimpin baru Asean, Estrada dan Habibie, langsung tidak menghormati pendirian negara ini dengan mengeluarkan kenyataan terbuka, mengkritik kerajaan yang dipimpin Datuk Seri Dr Mahathir, berhubung isu pemecatan dan penangkapan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketika Habibie masih menghormati adab sopan sebagai tetamu apabila berada di Kuala Lumpur sempena Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) bulan lalu, Estrada gagal membuktikan kewibawaannya sebagai pemimpin yang boleh dihormati apabila beliau bukan saja enggan menemui Perdana Menteri, malahan menerima isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, sebagai tetamu di bilik penginapannya.

Hubungan Malaysia dan Singapura turut tegang buat seketika apabila pemimpin kanan republik itu membuat kenyataan memperkecilkan kewibawaan negara ini, di samping beberapa tindakan membabitkan pemindahan pusat pemeriksaan kastam dan Imigresen di Tanjung Pagar serta masalah air.

Bagaimanapun, kunjungan hormat Perdana Menterinya, Goh Chok Tong, baru-baru ini iaitu ketika Sidang Kemuncak Apec, bulan lalu, memulihkan hubungan berkenaan.

Ternyata 1998 banyak meninggalkan pengalaman pahit dan perit kepada seluruh anggota Asean. Semangat setiakawannya benar-benar tercabar dan kedudukannya sebagai Harimau Asia tergugat akibat 'permainan' segelintir pedagang mata wang antarabangsa dari Barat yang cuba mengaut keuntungan

mudah bagi kepentingan mereka.

Bagaimanapun, kekeruhan yang melanda hampir sepanjang tahun itu kini semakin pantas berlalu. Keadaan mulai tenang, kebanyakan negara anggota sudah sedar apa yang perlu dilakukan dan memutuskan siapakah kawan dan siapakah lawan di kalangan negara jiran.

Kecuali Indonesia yang masih mencari jalan penyelesaian terbaik bagi meleraikan kekusutan terutama desakan rakyatnya supaya satu pilihan raya umum diadakan, negara anggota Asean lain sudah mula menyesuaikan diri dengan keadaan selepas kemelut ekonomi serta politik.

Sidang Kemuncak Asean pada 15 dan 16 Disember ini, yang dijangka turut dihadiri Dr Mahathir sudah pasti akan membincangkan pelbagai krisis yang melanda rantau ini sejak setahun lalu dan mengemukakan idea baru yang menyegarkan semula 'Harimau Asia' yang didakwa sudah kehilangan taring.

Kemboja hampir pasti diterima sebagai anggota terbaru untuk melengkapkan Asean10, selepas penyertaannya tahun lalu tertangguh akibat kejadian rampasan kuasa. Pilihan rayanya Mei lalu, walaupun gagal membentuk kerajaan tetapi penyelesaian dicapai baru-baru ini.

Sembilan menteri luar dan pemimpin negara Asean, Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand, Singapura, Vietnam, Brunei, Laos dan Kemboja, akan berada di Hanoi, minggu ini dan minggu depan, bagi mengadakan pelbagai perbincangan membabitkan pembangunan rantau ini terutama dalam usaha mengukuhkan semula kedudukan ekonomi selepas dilanda krisis.

Bagaimanapun, seperti kata Setiausaha Luar Filipina, Domingo L Siazon Jr, krisis ekonomi mungkin tidak lagi menjadi agenda utama mesyuarat kali ini kerana isu itu sudah ditangani dengan cara masing-masing sepanjang tahun ini.

"Ia seperti anda mengunyah gula getah, selepas beberapa lama ia tidak lagi sedap. Kita akan menumpukan perhatian kepada perkara lain terutama langkah untuk mengukuhkan kerjasama ekonomi serantau," katanya ketika ditemui pada sidang Apec, baru-baru ini.

Mungkin turut terkeluar daripada agenda ialah hasrat Asean untuk mempunyai mata wang serantau. Cadangan itu tidak mungkin dapat dipertimbangkan dalam tempoh terdekat ini berikutan kejatuhan serta ketidaktentuan nilai mata wang negara anggota.

Isu yang mungkin muncul sekali lagi tahun ini ialah pelaksanaan sistem demokrasi di Myanmar yang masih belum menemui jalan penyelesaian. Isu itu antara perkara yang mendapat perhatian hangat terutama daripada rakan dialog peringkat Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean (AMM).

Setiausaha Agung Asean, Rudolfo Severino, ketika dihubungi berkata sidang kali ini akan berkisar kepada langkah yang perlu diambil untuk menyegerakan pemulihan ekonomi negara anggota.

Menurutnya, pemimpin Asean, dijangka mengeluarkan mandat untuk kerjasama lebih rapat bagi pasaran barangan dan liberalisasi perdagangan, serta regim pelaburan bagi memperbaiki iklim perniagaan di rantau ini.

"Pemimpin-pemimpin Asean dijangka mengambil langkah lebih tegas untuk mempercepatkan pembentukan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dalam usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan ke dalam Asean.

"Satu perjanjian untuk menyediakan kemudahan bagi barangan yang dalam transit, dijangka ditandatangani. Perkara ini dan beberapa langkah untuk pemulihan ekonomi bagi tempoh tiga hingga enam tahun akan datang menjadi satu daripada agenda utama Sidang Kemuncak kali ini untuk memastikan Asean sebagai kawasan berdaya saing dalam pasaran antarabangsa," tegasnya.

Di samping itu, pemimpin Asean juga akan menyentuh mengenai langkah yang perlu diambil untuk menangani kesan krisis ekonomi yang berlaku, perlindungan alam sekitar terutama membabitkan kejadian jerebu akibat kebakaran hutan serta memperbaiki kemahiran tenaga kerja bagi menyediakan mereka untuk pasaran yang kini semakin pantas berubah.

Sambil menggelarkan sidang kali ini sebagai 'Sidang Kemuncak Bagi Langkah-Langkah Konkrit', Severino berkata pemimpin ketika bersidang di Kuala Lumpur tahun lalu, berjanji akan menjadikan sidang kemuncak di Hanoi untuk menggariskan langkah konkrit bagi menggerakkan Asean ke arah merealisasikan wawasannya.

"Kami menjangka langkah yang akan digariskan itu adalah lebih khusus, realistik dan mampu dicapai dalam tempoh tiga hingga enam tahun akan datang," katanya.

Beliau berkata, pemimpin Asean juga akan mengadakan perbincangan dengan rakan dialog mereka dari China, Jepun dan Korea Selatan, dan ia penting bagi masa depan Asean.

"China adalah kuasa yang semakin penting bagi rantau ini dan ekonomi global, manakala Jepun adalah kuasa ekonomi kedua terpenting dunia, terpenting di Asia dan rakan Asean paling utama.

"Asean dan Jepun kini mengeratkan kerjasama masing-masing, terutama dalam usaha menangani krisis kewangan dan ekonomi yang melanda rantau ini. Korea pula adalah satu daripada mangsa krisis ini dan ia sedang bekerjasama dengan Asean bagi mengatasi masalah yang sama," katanya.

Walaupun beberapa negara Asean mengalami kegawatan ekonomi dan politik, Severino berkata keyakinan pelabur masih kukuh berdasarkan tiga faktor.

Pertama katanya, tempoh tiga dekad pertumbuhan memberangsangkan yang dicapai negara di rantau ini. Walaupun gawat kebanyakan negara masih mempunyai belanjawan mantap, kadar simpanan yang tinggi, sumber asli yang lumayan, infrastruktur yang baik serta tenaga buruh yang berpelajaran, mahir dan bersemangat.

Kedua, ketika ini semua negara anggota Asean bekerja keras menangani krisis ekonomi dengan cara masing-masing seperti menyusun semula sistem perbankan dan kewangan, suntikan semula modal, langkah penggabungan dan mengetatkan perbelanjaan.

"Ada yang melakukan dengan bantuan IMF, manakala yang lain menanggungnya sendiri. Menteri-Menteri kewangan dan pegawai mereka kini menggariskan langkah untuk menyusun semula sektor kewangan masing-masing.

"Dan ternyata usaha keras ini sudah menampakkan hasil. Nilai mata wang negara terbabit kini semakin stabil, inflasi semakin terkawal, kadar faedah semakin menurun. Malah, ramalan awal mengatakan tanda-tanda pemulihan sudah mula nampak terutama mulai awal tahun depan," katanya.

Manakala faktor ketiga ialah masyarakat antarabangsa kini akhirnya menerima bahawa krisis ekonomi dan kewangan sekarang sudah menjadi masalah global dan ternyata bukan akibat kesilapan pengurusan oleh kerajaan negara di benua ini.

"Sekarang adalah masa bagi kumpulan pelabur untuk mula melihat kepada Asean. Pasaran Asean membabitkan 500 juta penduduknya, dan kini semakin bernilai kepada sebarang bentuk perdagangan dan pelaburan. Pemulihan ekonomi yang berlaku sekarang menjadikan Asean rantau yang lebih mantap untuk perniagaan," katanya.

(END)